

INFO

Mutiara kata Mat Kilau


1. Biar kita susah, jangan kita susahkan orang lain. Bersyukurlah kepada ALLAH.
2. Biarlah orang menganiaya kita, jangan kita menganiaya orang.
3. Jika hendak beramal, janganlah belajar ilmu gagah, sihir dan kebal. Semua itu sihir.
4. Jika hendak beramal, beramallah dengan al-Quran.
5. Bersyukurlah kepada ALLAH, jangan sesekali takbur dan menguji kelebihan yang ada.
6. Syarat kepada setiap ilmu janganlah meninggalkan solat, jika terpaksa hendaklah diganti segera.
7. Jangan makan atau minum di kedai kafir, jika terpaksa pilihlah minuman bertutup (botol atau kotak).
8. Jangan sesekali mereka yang beramal memasuki tokong, kuil atau gereja.
9. Jika mahu bersahabat, bersahabatlah dengan orang ghaib seperti wali ALLAH, jin Islam dan bunian. Jangan kita cari, biar mereka cari kita.
10. Jika hendak bersahabat dengan hantu syaitan senang saja. Petang ini puja, petang dia datang. Sebaiknya jauhi makhluk dilaknat. Selamat hidup dunia dan akhirat.

BIODATA

- Mat Kilau Bin Imam Rasu dilahirkan di Kampung Pulau Tawar, Jerantut, Pahang.
- Terdapat perbezaan pendapat mengenai tarikh lahirnya iaitu sama ada pada tahun 1847, 1865 atau 1866.

Mat Kilau, pahlawan muda yang cukup berani

Menentang penjajah British di Pahang



Mat Kilau (tengah) dikelilingi mereka yang ingin melihat sendiri dan mendengar sejarah hidup beliau.

Mat Kilau, sebaris nama yang cukup sinonim kerana keberaniannya menentang penjajah British di Pahang.

Beliau yang nama penuhnya, Mat Kilau Bin Imam Rasu, dilahirkan di Kampung Pulau Tawar, Jerantut, Pahang adalah anak kepada pahlawan disegani iaitu Tok Gajah atau nama sebenarnya Imam Rasu Baharom.

Kisah hidupnya banyak merakam perjuangan beliau bersama Tok Gajah dan Datuk Bahaman menentang British secara terbuka kerana membantah campur tangan dalam pentadbiran

dan Siam.

Tawaran sebanyak \$1,000 (ketika itu) turut digunakan kepada sesiapa yang menangkap Mat Kilau, Tok Gajah dan Datuk Bahaman.

Kemunculan Mat Kilau

Gerakan memburu secara agresif akhirnya dikatakan berjaya menangkap Mat Kilau di Siam pada tahun 1895 selepas kerajaan negara itu membuat pakatan dengan British.

Selepas dikatakan ditangkap, terdapat kisah menarik berlaku ketika berita kematian Mat Kilau disebarkan iaitu

Sinar HARIAN 20/08/19

m/s

28

'SAYA TERPAKSA SIMPAN RAHSIA'

